

# Sukan

## INFO SUKAN

GALERI Sukan Negara Brunei Darussalam memperlihatkan sejarah perkembangan sukan di negara ini sebagai penghargaan juga pengiktirafan kepada tokoh-tokoh dan ahli-ahli sukan yang telah mengharumkan nama negara di kejohanan sukan serantau dan antarabangsa. Galeri ini dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, pada 7 April 2014.



ePaper Pelita Brunei

## PUPUK KESEDARAN PENGGUNAAN TONGKAT PUTIH

Berita dan Foto :  
Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 28 Mac.

- Bagi meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan penggunaan tongkat putih untuk individu-individu yang mengalami masalah penglihatan, satu aktiviti amal bersempena Hari Tongkat Putih Sedunia diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, hari ini, di ibu negara.

Hadir dan seterusnya melancarkan aktiviti amal tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman. Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Aktiviti amal tersebut dimulakan dengan sesi senamrolik, yang disertai oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Ahli-ahli Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan (BNAB).

Aktiviti kemudiannya diteruskan dengan acara berjalan kaki di kawasan sekitar Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien menggunakan tongkat putih dengan memakai penutup mata dan dipandu oleh pendamping (atas kanan dan atas), sementara gambar kanan, antara yang menyertai acara berjalan berkenaan.

Acara turut dimeriahkan dengan aktiviti pemeriksaan mata oleh Klinik Mata, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan pameran alat-alat bantu khas yang digunakan oleh individu yang mempunyai masalah penglihatan.

Semasa aktiviti berkenaan orang ramai yang berkunjung turut berpeluang



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa merasmikan aktiviti amal bersempena Hari Tongkat Putih Sedunia dan menyertai acara berjalan kaki di kawasan sekitar Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien menggunakan tongkat putih dengan memakai penutup mata dan dipandu oleh pendamping (atas kanan dan atas), sementara gambar kanan, antara yang menyertai acara berjalan berkenaan.

berinteraksi bersama pegawai-pegawai dari Unit Pendidikan Khas (UPK) dan BNAB bagi mengetahui lebih lanjut perihal golongan yang mempunyai masalah penglihatan.

Para penaja dan penyumbang yang menjayakan aktiviti amal turut diberikan sijil-sijil penghargaan sebagai tanda terima kasih atas sokongan yang diberikan.

Hari Tongkat Putih Sedunia diraikan pada

15 Oktober, setiap tahun, melalui organisasi bantuan dan perkhidmatan golongan masalah penglihatan dengan pengajuran aktiviti-aktiviti amal bagi mengumpul dana.

Dana yang diperoleh melalui aktiviti amal ini akan disalurkan ke Tabung Pendidikan Khas dan BNAB. Aktiviti amal dikendalikan oleh UPK Kementerian Pendidikan dan BNAB.

## UNISSA galakkan semangat persaingan sihat

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 27 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar, hari ini, mengadakan Majlis Penutup Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2021.

Majlis menandakan berakhirnya acara-acara Sukan Tahunan UNISSA yang bermula pada awal bulan Mac.

Hadir selaku tetamu kehormat, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal yang seterusnya

menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan.

Majlis turut dihadiri oleh pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, para pensyarah, kakitangan-kakitangan, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA juga ahli keluarga warga UNISSA.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan acara senamrolik.

Antara acara sukan yang dipertandingkan ialah perlawanan beach volleyball, mini golf, di samping permainan hiburan, seperti menarik upih pinang, tiup belon, makan roti bergantung, lari ikat kaki dan banyak lagi mengikut kategori lelaki, perempuan dan kanak-kanak.

Acara dimeriahkan lagi dengan cabutan bertuah yang mana hadiah-hadiah tersebut adalah sumbangan Pegawai-pegawai, Kakitangan dan para Pensyarah UNISSA.

Acara kemuncak sukan diteruskan dengan perlawanan akhir penentuan tarik kalat yang dimenangi oleh Rumah As-Syatiirun, manakala tempat kedua dimenangi oleh Rumah Al-Mufakkirun.

Majlis diselanjurkan dengan penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang acara-acara Kejohanan Sukan Tahunan UNISSA 2021 juga Pengumuman Rumah Terbaik dan Atlet Terbaik bagi Kejohanan Sukan Tahunan UNISSA 2021.

Tahun ini, Rumah Al-Mufakkirun dengan tema berwarna kuning muncul Johan Rumah keseluruhan.

Tujuan acara diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan Warga UNISSA, di samping untuk menggalakkan semangat persaingan yang sihat melalui aktiviti sukan.



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar mengadakan Majlis Penutup Sukan Tahunan dan Hari Usrah UNISSA 2021 yang turut disertai oleh Rektor UNISSA (atas dan kanan).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

CONTOHI CARA RASULULLAH MENYANTUNI, MENGANGKAT MARTABAT WANITA

دربیتکن اوله جابتني فراغن، جابتني فردان منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam